

Hujan lebih tiga jam, 195 penduduk Asahan dipindahkan

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

JASIN – Hujan lebat yang melanda di beberapa kawasan di Asahan di sini selama lebih tiga jam bermula pukul 3 hingga 6 pagi kelmarin menyebabkan 195 orang daripada 61 buah keluarga terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Rendah Kebangsaan Asahan di sini kelmarin.

Antara penduduk yang terjejas ialah mereka yang tinggal di Kampung Sungai Dua, Kampung Bukit Asahan, Kampung Gunung Emas, Kampung Sayur dan Pekan Asahan.

Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM), Jasin Norman Abu Bakar berkata, selepas pukul 11 pagi, hanya lima keluarga yang terus berada di pusat terbabit berikutan sesetengah mangsa menumpang di rumah saudara dan di rumah sementara.

“Kami berharap orang ramai sentiasa berjaga-jaga berikutan hujan masih lagi turun hari ini (semalam) di sini,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, salah seorang mangsa banjir, Amirulizam Ibrahim, 39, berkata, dia tidak sangka air naik begitu dalam masa 30 minit sehingga ke paras pinggang.

“Nasib baik kami dan beberapa jiran lain sempat menyelamatkan beberapa barang



BEBERAPA penduduk memindahkan barangan keperluan rumah sebaik rumah mereka di Kampung Bukit Asahan, Asahan, Jasin dinaiki air kelmarin.

berharga perabot dan bekas sebuah lori. Saya juga bersyukur elektrik dengan menggunakan isteri saya Ruziah Abdul Sa-

mad, 36 dan tiga anak saya yang berusia lapan hingga 19 tahun tidak mengalami kemalangan,” katanya yang tinggal di Kampung Sungai Dua.

Sementara itu, di **Sabah**, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) akan menempatkan kira-kira 2,507 anggotanya di seluruh negeri ini sebagai kumpulan pertama yang memberi respon dan bantuan sekiranya berlaku bencana dan insiden kemalangan.

Ketua Pengarah JPAM, Datuk Zaiton Ab Samad berkata, kumpulan ini akan bersiap siaga pada setiap masa dan ditempatkan di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi.